

Jumaat, 22 Mei 2020 | 8:43am



Frankie (kiri) dan Georgie (dua dari kiri) ketika meninjau harga barang sempena Walkabout Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Hari Raya Aidilfitri dan Pesta Kaamatan 2020 di Bataras Kolombong. - Foto NSTP/Yun Mikail

Bekalan barangan keperluan di Sabah mencukupi sepanjang perayaan

Oleh Yun Mikail
bhnews@bh.com.my

KOTA KINABALU: Orang awam di negeri ini dinasihatkan tidak berasa bimbang berikutan semua bekalan barangan keperluan bagi menyambut Hari Raya Aidilfitri dan Pesta Kaamatan masih mencukupi di pasaran.

Menteri Kesihatan dan Kesejahteraan Rakyat Sabah, Datuk Frankie Poon Ming Fung, berkata walaupun dalam tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) selain penularan wabak COVID-19, Skim Harga Maksimum Musim Perayaan sempena Hari Raya Aidilfitri dan Pesta Kaamatan 2020 wajar dilaksanakan.

"Ia disebabkan permintaan pengguna ke atas barang keperluan harian tertentu untuk sambutan perayaan adalah masih tinggi.

"Bagaimanapun, tiada jaminan peningkatan harga tidak akan berlaku di pasaran walaupun bekalan barangan keperluan semasa mencukupi.

"Oleh itu, perlunya pelaksanaan skim bagi kedua-dua perayaan ini dibuat dengan beberapa penyesuaian tempoh masa dan barangan untuk memberi ruang kepada peniaga, memulihkan perniagaan mereka selepas melalui Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Dan kini dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), tanpa menjejaskan kepentingan pengguna mahupun peniaga," katanya pada sidang media selepas Walkabout Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Hari Raya Aidilfitri dan Pesta Kaamatan 2020 di Bataras Kolombong, dekat sini, semalam.

Yang turut hadir Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Sabah, Georgie Abas.

Sementara itu, Frankie berkata, KPDNHEP Sabah sudah mengenal pasti 10 jenis barangan untuk ditentukan harga maksimum bagi pelaksanaan skim terbabit sempena Hari Raya Aidilfitri manakala 11 barangan ditetapkan untuk skim harga bagi Pesta Kaamatan 2020.

"Antara barangan ini termasuklah ayam segar, ayam super, telur ayam gred A, B dan C serta daging kerbau import (India).

"Tarikh kuat kuasa skim harga maksimum untuk Hari Raya berlangsung selama 15 hari bermula 20 Mei hingga 3 Jun.

"Skim harga maksimum untuk Pesta Kaamatan pula akan bermula pada 28 Mei hingga 3 Jun iaitu selama tujuh hari," katanya.

<https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2020/05/691690/bekalan-barangan-keperluan-di-sabah-mencukupi-sepanjang-perayaan>